

'Orang Melayu hendaklah sedar mereka hadapi berbagai cabaran'

UCAPAN PENUH LIHAT MUKA 8

# HENTIKAN BERTIKAM LIDAH - PM

BM 2 JUL 1989

**B**ANGI 1 Julai — Perdana Menteri hari ini meminta orang - orang Melayu supaya tidak lagi membuang masa bertikam lidah dan berpolemik jika mereka mahu mara ke hadapan bersama kaum - kaum lain.

Beliau menegaskan, orang - orang Melayu juga hendaklah sedar bahawa mereka sedang menghadapi berbagai cabaran dan usaha untuk menghalang pencapaian mereka.

"Kita tidak harus membuang masa bertikam lidah dan berpolemik kerana jika kita gemar berbuat demikian dan tidak merebut peluang - peluang Dasar Ekonomi Baru, kita

mungkin *miss the boat* dan tertinggal buat selama - lamanya," kata beliau semasa merasmikan Kongres Cendekiawan Melayu kedua di Universiti Kebangsaan di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, kesedaran ini menjadi bertambah penting kerana Malaysia sudah sampai ke satu titik peralihan dan tahap pembangunannya akan meningkat.

Beliau menegaskan, orang - orang Melayu kini sudah mempunyai prasarana intelek dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah menggunakannya dengan cara yang boleh mendatangkan hasil.

Katanya, orang - orang Melayu mestilah menggunakan ilmu dengan cekap dan berpegang kuat kepada semangat perpaduan jika ingin berjaya. Bangsa yang benar - benar ber-

**LIHAT MUKA 14**

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Hentikan bertikam lidah — PM

jaya dalam sejarah manusia ialah bangsa yang cekap menggunakan ilmu untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Beliau berkata, orang - orang yang berjaya adalah terdiri dari mereka yang berjaya memeralatkan dan menggunakan ilmu secara praktikal dan bukan sekadar menyerap ilmu kerana hasilnya adalah terhad.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan penggunaan ilmu dengan cekap merupakan 'ijazah' praktikal yang nilainya mungkin lebih dari ijazah universiti.

Bagaimanapun, katanya, ijazah praktikal ini masih berkurangan di kalangan orang - orang Melayu walaupun bilangan anak - anak Melayu dalam bidang - bidang profesional yang lain semakin bertambah.

Beliau juga mengingatkan bahawa bangsa yang bergantung kepada kejayaan di zaman silam sebenarnya adalah bangsa yang sudah mundur di zaman ini.

"Kejayaan dahulu hanya berguna untuk

meyakinkan diri akan kebolehan diri sendiri dan bukan untuk menyedapkan hati. Pada hemat saya, bagi bangsa Melayu, falsafah dan tindakan ala Hang Tuah dan Hang Jebat tidak sesuai lagi," ujar beliau.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, golongan cerdik pandai Melayu harus mengetahui apakah yang perlu bagi bangsa Melayu dan apakah yang harus dilakukan untuk menjayakan hasrat yang telah ditetapkan.

"Khayalan dan bermegah - megah zaman dahulu tidak boleh dibiarkan melenyapkan kenyataan masa kini," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO, berkata, terdapat berbagai cabaran dan usaha untuk menghalang pencapaian orang Melayu khususnya dalam pelaksanaan DEB.

"Amatlah malang jika cendekiawan yang meraih peluang dari DEB berpaling tadah kerana kononnya ada segelintir orang Melayu

yang kaya dan mengeca sama dengan pihak lain orang Melayu kekal dengereka.

"Hasil daripada sikap pihak yang benar - benar wa hanya orang Melayu menggagalkan usaha ora beliau.

Mengenai dakwaan sehawa DEB hanya membe segelintir individu sahaja bertanya: "Benarkah sem peluang menuntut ilmu tinggi terdiri dari golongan. Jika benar semua cendeklah terdiri dari keluarga y

"Tidakkah ramai orang pelajaran berasal dari kel petani, keluarga miskin dliau bertanya.